

PERANAN DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU TERHADAP KUALITI HIDUP KOMUNITI BANDAR

THE ROLE OF KOTA KINABALU CITY HALL ON THE QUALITY OF LIFE OF THE CITY COMMUNITIES

Benedick Oliver

Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sabah

benedick1965@gmail.com

Abstract

The trend of urban development and modernization has a great impact on the quality of life of urban citizens. The Local Authority is an important body that serves to ensure that the development carried out meets the needs and can improve the quality of life of the city's citizens. Therefore, the study conducted on Kota Kinabalu City Hall (DBKK) aims to find out the role played by this Local Authority in improving the quality of life of Kota Kinabalu, Sabah citizens. The data of this qualitative study was collected using a structured interview technique with DBKK Senior Officers. This study found that DBKK has a clear role and goal in improving the quality of life of the city's citizens through service activities and urban development. Hence, DBKK's role guaranteed the health of the environment and prevent security threats to the citizens of Kota Kinabalu. With that, the quality of life of the city's residents is considered comfortable and safe.

Keywords: Quality of life, Local Authority, City Communities.

Abstrak

Arus pembangunan dan pemodenan bandar memberi impak besar ke atas kualiti hidup warga bandar. Pihak Berkuasa Tempatan merupakan badan penting yang berkhidmat dalam memastikan pembangunan yang dijalankan memenuhi keperluan dan dapat meningkatkan kualiti hidup warga bandar. Oleh itu, kajian yang dijalankan ke atas Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) bertujuan untuk mengetahui peranan yang dimainkan oleh DBKK dalam meningkatkan kualiti hidup warga Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan data kajian dikutip melalui temubual mendalam bersama pegawai kanan DBKK. Hasil kajian ini mendapati DBKK mempunyai peranan dan matlamat yang jelas dalam meningkatkan kualiti hidup warga bandaraya menerusi aktiviti perkhidmatan dan pembangunan bandar. Justeru itu kesan daripada peranan DBKK telah memberi jaminan kesihatan persekitaran dan keselamatan kepada warga bandar raya Kota Kinabalu agar hidup selesa dan selamat.

Kata Kunci: Kualiti hidup, Pihak Berkuasa Tempatan DBKK, Komuniti bandar.

Pengenalan

Kawasan bandar merupakan pusat bagi pembangunan ekonomi, sosial dan politik bagi mana-mana negeri atau negara (Ooi, 2005). Menjadi keutamaan bagi sesebuah badan yang bertanggungjawab seperti Pihak Berkuasa Tempatan bagi sesuatu bandar tersebut melakukan pembangunan untuk memastikan warga bandar dapat menikmati kualiti kehidupan yang lebih baik (Banai & Rapino, 2009). Pembangunan yang dilaksanakan di sesuatu bandar boleh memberi kesan negatif ke atas kualiti hidup warga bandar (Insch & Florek, 2008). Hal ini demikian kerana, sekiranya suatu pembangunan yang dilaksanakan tidak bergerak seiring dengan kemampuan warga bandar, maka ia menyebabkan penurunan kadar kualiti hidup mereka (Mohammad Reza, Hossain & Mohammad Hossain, 2013). Oleh itu, adalah penting bagi Pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan pembangunan mengikut keperluan warga bandar dan seiring dengan kemampuan kehidupan mereka. Kualiti hidup melambangkan kemajuan diri (Samsudin, 1999). Kualiti hidup warga bandar pula merujuk kepada peralihan kehidupan masyarakat kepada suasana yang lebih baik yang disebabkan transformasi pembangunan dan gaya hidup lebih sihat untuk menikmati taraf hidup lebih baik (Solomon et al, 1980).

Di negeri Sabah, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab melindungi dan membangunkan bandar raya Kota Kinabalu, sekali gus memastikan kualiti kehidupan warga bandar pada tahap yang baik. Perubahan impak daripada pembangunan menjadi cabaran kepada Pihak Berkuasa Tempatan DBKK. Pihak Berkuasa Tempatan DBKK perlu memastikan pembangunan yang berjalan tidak menjadi beban kepada warga bandar. Hal ini demikian kerana, pembangunan bandar bukan sahaja bermatlamatkan kepada pembangunan ekonomi dan politik, tetapi juga meningkatkan taraf sosial warga bandar agar mencapai tahap kualiti yang lebih baik.

Pihak Berkuasa Tempatan DBKK telah melaksanakan pelbagai projek pembangunan untuk membentuk satu bandar yang lebih cekap dan boleh diduduki oleh warga setempat. Antara projek pembangunan yang dijalankan adalah seperti projek perumahan, penambahbaikan jalan, penguatkuasaan keselamatan dan pembangunan ekonomi (Jabatan Penyelidikan & Inovasi DBKK, 2017). Matlamatnya adalah menjadikan bandar daya Kota Kinabalu sebagai bandar yang Bersih, Hijau dan Berdaya Huni berdasarkan empat komponen utama yang dikenali sebagai 4P, iaitu Perkhidmatan, Pembersihan, Penguatkuasaan dan Pembangunan (Jabatan Penyelidikan & Inovasi, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, 2017).

Sorotan Literatur

Kualiti hidup menjadi elemen yang dititikberatkan dalam pembangunan bandar. Hal ini bagi memastikan kesejahteraan komuniti bandar boleh dicapai seiring dengan pembangunan yang berlaku di kawasan bandar. Lazimnya impak pembangunan bandar menyebabkan perubahan ke atas komuniti bandar daripada segi sikap, gaya hidup, corak pemikiran, amalan dan cara membuat keputusan. Kesemua elemen perubahan mental dan sosial ini mempunyai kaitan langsung dengan kualiti hidup. Untuk itu, menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memastikan

bandar berdaya-huni dan perubahan pembangunan yang dilakukan boleh mengekalkan seterusnya meningkatkan kualiti hidup komuniti bandar sedia ada (Samruhaizad, Jamaluddin & Azahan, 2014). Kegagalan komuniti bandar menjalani keseimbangan kehidupan bandar yang memerlukan penyesuaian dan strategi pertumbuhan boleh mengakibatkan pelbagai masalah termasuk masalah sosial atau jenayah. Meskipun komuniti bandar sudah terdedah dengan pelbagai isu kualiti hidup seperti penempatan bandar, pencemaran, jenayah, sosial atau keselamatan sosial, akan tetapi penilaian kualiti hidup hanya boleh dirasai dan dinilai oleh komuniti yang mendiami kawasan bandar tersebut.

Di Malaysia, Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) dikeluarkan pada tahun 2002 menggunakan 11 komponen kehidupan indikator utama yang terdiri daripada Pendapatan & Pengagihan, Persekuturan Kerja, Pengangkutan & Komunikasi, Kesihatan, Pendidikan, Perumahan, Kehidupan Keluarga, Kebudayaan dan Liburan, Perkhidmatan Bandar, Alam sekitar dan Keselamatan Awam untuk mengetahui tahap kualiti hidup komuniti bandar. Menurut laporan IKHM 2002, indikator penting kepada peningkatan kualiti hidup komuniti bandar adalah kehidupan keluarga, yang diikuti oleh pendapatandan pengagihan dan kebudayaan dan liburan. Laporan ini menjelaskan faktor kos hidup di bandar memberi pengaruh penting terhadap penentuan kualiti hidup komuniti bandar.

Berdasarkan laporan IKHM (2002), kehidupan keluarga yang baik dijalani oleh komuniti bandar menjelaskan bahawa hasil penurunan kadar penceraian dalam keluarga. Manakala, bagi indikator Pendapatan dan Pengagihan menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di kawasan bandar semakin menurun disebabkan peningkatan ekonomi di bandar berlaku dengan pesat. Justeru itu, komuniti bandar memiliki peluang menjana pendapatan ekoran kepesatan bandar. Kos sara hidup tinggal di bandar adalah aspek yang mencabar bagi komuniti bandar. Lebih-lebih lagi apabila sesebuah bandar tersebut semakin maju dan berkembang dengan pesat. Maka, persaingan peluang di bandar sama ada dari aspek kehidupan, ekonomi dan sosial adalah sangat ketara dan memberi impak kepada kualiti hidup komuniti bandar. Kos sara hidup yang semakin meningkat sememangnya membebankan komuniti bandar dalam menjalani kehidupan di bandar. Hal ini khususnya berlaku dalam peningkatan kos pembelian harga sewa dan beli rumah yang lazimnya berada pada kadar yang bukan mampu milik. Bahkan, keadaan ini lebih dirasakan oleh komuniti bandar yang berusaha untuk bergerak seiring dengan kerancakan pembangunan bandar bagi memastikan keperluan dan kehendak kehidupan di bandar dapat dipenuhi. Perkara yang membimbangkan adalah bagi komuniti bandar yang cuba untuk memenuhi gaya kehidupan di bandar dengan cara yang salah seperti meminjam wang atau berhutang, hal ini menyebabkan tekanan dan ketegangan fikiran. Oleh kerana itu, kebanyakan komuniti bandar cenderung berhadapan dengan masalah tekanan dan kemurungan yang disebabkan oleh gaya kehidupan di bandar yang sangat mencabar dan sukar untuk dipenuhi (Azahan Awang, 2006).

Selain itu, satu lagi aspek yang mempengaruhi kualiti hidup komuniti bandar yang dikenal pasti adalah pencemaran alam sekitar (Katiman, 2000). Hal ini berlaku diakibatkan oleh proses pembangunan bandar yang dilaksanakan sememangnya memberi kesan kepada tahap kualiti kebersihan alam sekitar di bandar, yang mana cenderung menyebabkan pencemaran. Pencemaran menjadi perkara yang amat memberi ketidakselesaan kepada komuniti bandar. Proses pembangunan bandar

mendedahkan alam sekitar dengan masalah pembandaran seperti ruang penempatan yang sempit, kepadatan penduduk, masalah kesesakan jalan raya dan pencemaran alam sekitar. Kepadatan penduduk menyebabkan peningkatan bilangan kenderaan di jalan raya turut menjelaskan kualiti hidup komuniti bandar. Hal ini demikian kerana, pencemaran alam sekitar seperti pencemaran bunyi dan kandungan udara boleh mengganggu tahap kesihatan komuniti bandar (Azahan Awang, 2006).

Selain itu, pencemaran alam sekitar disebabkan limpahan kadar kependudukan daripada migrasi masyarakat bukan tempatan adalah menjadi isu yang membimbangkan. Menurut kajian Katiman Rostam (2010), pembangunan bandar menggalakkan kemasukan migrasi komuniti bukan tempatan ke kawasan bandar. Migrasi berlaku kerana bandar menjadi tumpuan dan tarikan bagi individu mencapai kualiti hidup yang lebih baik berikutan pembangunan di bandar yang menawarkan peluang kehidupan yang lebih baik. Oleh itu, pertambahan jumlah penduduk di satu-satu kawasan menyumbang kepada peningkatan pencemaran alam sekitar (Anuar Amir, 2004). Impaknya, penduduk merasakan kualiti hidup mereka mengalami penurunan berbanding tahap kualiti hidup yang dinikmati sebelum pembangunan dilaksanakan.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif, iaitu data dikutip secara temu bual separa berstruktur. Kaedah ini digunakan ke atas kajian fenomena kerana matlamat utama kajian ini adalah meneroka keberkesanan peranan yang dimainkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dalam meningkatkan kualiti hidup warga bandar. Pendekatan kualitatif membolehkan pengkaji melakukan induktif dalam meneroka makna dan perspektif bagi fenomena yang dikaji (Corbin & Strauss, 2008). Manakala, temu bual separa berstruktur digunakan kerana pengkaji telah menyediakan satu set soalan temu bual mengikut piawai yang diperlukan dalam objektif kajian. Temu bual secara spara berstruktur mudah ditadbirkan ke atas set responden yang ramai dan pengkaji dapat memastikan temu bual yang dijalankan masih mendasari objektif kajian (McLeod, 2013).

Informan Kajian

Data dalam artikel ini diperoleh daripada seorang Pegawai Kanan DBKK yang telah berkhidmat lebih daripada 20 tahun dalam organisasi ini dan terlibat secara langsung dalam merancang program-program yang dilaksakan oleh DBKK. Maklum balas secara mendalam mengenai peranan yang dimainkan oleh PBT DBKK dalam menjaga kualiti hidup penghuni bandar raya Kota Kinabalu dan keberkesanan peranan tersebut dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti di bandar raya terbabit.

Instrumen Kajian

Satu set soalan temu bual separa berstruktur telah dibina. Set soalan berfokus kepada peranan PBT DBKK dan keberkesanannya peranan yang dimainkan telah diajukan kepada informan. Tempoh temu bual berlangsung selama 48 minit. Temu bual ini kemudiannya ditranskrip bagi mendapatkan tema dan sub-tema kajian.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dalam bahagian ini, hasil temu bual dengan Encik A (Pegawai Kanan DBKK) berkenaan keberkesanannya peranan yang dimainkan oleh PBT DBKK ke atas kualiti hidup warga bandar. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, peranan PBT DBKK ke atas peningkatan kualiti hidup warga bandar dikategorikan kepada empat dimensi utama, iaitu ekonomi, ekologi, politik dan budaya.

Dimensi Ekonomi

Terdapat tiga tema yang dikeluarkan daripada dimensi ekonomi, iaitu pembangunan, kesaksamaan ekonomi dan hak kemanusiaan. Tema-tema tersebut merupakan peranan utama yang dimainkan oleh pihak PBT DBKK berkaitan dengan ekonomi warga bandar.

Dari aspek pembangunan ekonomi, menurut Encik A pembangunan ekonomi warga bandar adalah pada tahap yang memuaskan. Pembangunan infrastruktur yang menggalakkan penjanaan ekonomi sekali gus membuka peluang kepada warga bandar untuk turut serta bergiat dalam bidang ekonomi seperti perniagaan. Tambahan pembangunan infrastruktur yang menggalakkan warga bandar menggiatkan penjanaan ekonomi menjadikan bandaraya tersebut sebagai bandar yang mempunyai gaya hidup yang moden dan mampu memenuhi keperluan kehidupan mereka sebagai warga bandar (Roseland, 1997).

"pembangunan ekonomi sekitar bandaraya Kota Kinabalu sekarang ini pada tahap yang membanggakan. kita boleh lihat banyak shopping centre baru atau pusat perniagaan baru yang telah disiapkan. dan di pihak DBKK sendiri sebagai organisasi yang mengawal lesen-lesen perniagaan, kita boleh memperluaskan lagi peranan atau penglibatan masyarakat bandaraya untuk terlibat dalam aktiviti perniagaan atau peningkatan ekonomi, cthnya di pihak penjajaan memperbanyakkan lagi kawasan begitu juga perniagaan-perniagaan lain'.

Dari aspek kesaksamaan ekonomi, didapati hak untuk menjana peluang ekonomi dalam kalangan warga bandaraya Kota Kinabalu adalah tidak membimbangkan. Hal ini demikian kerana, PBT DBKK menggalakkan warga bandar

menjaga sumber ekonomi dari perniagaan dan membantu memudahkan proses mendapatkan lesen perniagaan tanpa mengambil kira perbezaan bangsa, agama atau suku kaum. Menurut Glaeser, Ressenger dan Tobio (2009) peluang yang saksama diberikan kepada warga bandar dalam bidang ekonomi adalah penting bagi mengelakkan wujudnya warga bandar yang masih hidup terpencil bahkan sukar hidup seiring dengan keperluan gaya hidup di bandar.

"pada dasarkan secara peraturan kita tidak ada menetapkan ada kuota mengikut bangsa ataupun agama dan sebagainya. tetapi realitinya kalau kita tengok di luar majoritinya daripada peniaga-peniaga kecil terutamanya adalah di kalangan orang bukan bumiputera. ini kita boleh tengok di pasar-pasar malam, tempat-tempat bermiaga cthnya di gaya street termasuklah di Sinsuran punya pasar malam, pasar malam kampung air dan di mana-mana pasar malam. orang tempatan adalah minoriti dalam pusat-pusat perniagaan yang saya sebutkan itu tadi".

Manakala, tema hak kemanusiaan pada dimensi ekonomi dirujuk pada hak setiap warga bandaraya Kota Kinabalu untuk bermiaga atau menjana sumber pendapatan. Dari aspek hak kemanusiaan didapati berada pada tahap yang terkawal. Encik A menjelaskan sebagai '*tahap yang terjaga*'. Menurut Encik A, aktiviti penjajahan haram iaitu yang tidak berlesen berlangsung secara aktif di kawasan bandaraya Kota Kinabalu. Akan tetapi, situasi tersebut berada dalam keadaan yang terkawal dan tidak memberi ancaman kepada kehidupan warga bandar yang lain seperti diperincikan informan di bawah:

"Rasanya di kawasan bandaraya masih lagi pada tahap yang terjaga. warga di kawasan bandaraya masih lagi bebas melaksanakan apa-apa yang mereka suka terutamanya yang tidak melanggar pada peraturan yang sedia ada. Cthnya yang kita lihat aktiviti seperti penjaja haram itu adalah hak mereka untuk mendapatkan sumber ekonomi selagi tidak berleluasa"

Dimensi Ekologi

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, terdapat dua tema yang telah dikenal pasti di bawah dimensi ekologi, iaitu perkhidmatan pengangkutan dan jalan raya serta alam sekitar dan kebersihan bandar. Tema-tema tersebut juga adalah konsisten dengan profail bandar yang dicadangkan oleh James (2015). Bagi tema perkhidmatan pengangkutan dan jalan raya, Encik A menjelaskan keberkesanan peranan yang dilaksanakan oleh PBT DBKK bagi menyediakan perkhidmatan pengangkutan dan jalan raya ke atas warga bandar adalah pada tahap yang agak memuaskan. Menurut informan:

"Pada pandangan saya pada tahap ini sistem pengangkutan jalan raya di bandaraya Kota Kinabalu masih lagi pada tahap yang agak memuaskan."

Isu-isu yang sukar dikawal seperti isu kesesakan jalan raya merupakan isu yang masih berleluasa dan dianggarkan bakal menjadi suatu isu yang semakin sukar untuk diatasi. Hal ini demikian kerana, isu kesesakan jalan raya bukan terletak kepada

peranan PBT DBKK semata-mata, tetapi juga melibatkan peranan daripada agensi lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kerja Raya dan kawalan Polis Trafik. Oleh itu, menurut Encik A sistem pengangkutan jalan raya adalah pada tahap yang memuaskan namun isu kesesakan jalan raya memerlukan kombinasi kerjasama daripada agensi yang terlibat:

"Bagaimana pun kita dapat tengok dari hari ke hari keadaan semakin sukar. trafik jammed berlaku di sana sini dan saya percaya di masa akan datang perkara ini akan menjadi lebih teruk lagi. Di pihak DBKK itu sendiri memandangkan jalan raya ini atau sistem pengangkutan di jalan raya ini bukan semata-mata di bawah DBKK tapi melibatkan agensi lain seperti polis, JPJ, JKR dan sebagainya. perlu ada kombinasi yang mantap antara agensi ini dan DBKK sebagai PBT dalam kawasan jalan raya perlu menjadi leader dalam usaha ini"

Malahan pihak DBKK dikatakan telah menjalankan inisiatif bagi menangani isu kesesakan jalan raya dalam pusat bandar raya Kota Kinabalu. Untuk itu, perkhidmatan perhentian bas secara berpusat disediakan bagi mengelak pengangkutan awam ini memasuki kawasan bandar raya. Menurut informan:

"Bas-bas akan dipusatkan, tidak lagi masuk ke kawasan bandar raya itu semua keperluan peningkatan sistem pengangkutan di kawasan bandar raya"

Seterusnya, tema alam sekitar dan kebersihan bandar didapati berada pada tahap yang agak kritikal. Dapat diperhatikan bahawa isu kebersihan di kawasan bandar menjelaskan kualiti hidup warga bandar terutamanya melibatkan kebersihan kawasan perumahan atas air yang masih terdapat di kawasan bandar raya Kota Kinabalu. Menurut Lundqvist (2007), perancangan bandar yang memberikan perkhidmatan seperti air dan sumber-sumber semula jadi cenderung menyebabkan permasalahan persekitaran serius. Hal ini memberi kesan negatif ke atas kesihatan dan kualiti hidup individu yang tinggal di kawasan bandar. Keadaan ini berpunca daripada peningkatan jumlah populasi bandar dan proses urbanisasi yang akibatnya masalah persekitaran sukar dikawal (Ooi, 2005). Menyentuh perkara ini, informan menjelaskan:

"Secara fizikalnya, kawasan bandar raya Kota Kinabalu agak kritikal terutamanya dari segi pengurusan bahan sisa pepejal. Bagaimana pun pelbagai usaha yang akan dan sedang dilaksanakan oleh DBKK bagi menangani isu yang agak kritikal ini..... ia menyentuh isu-isu tertentu yang agak sukar untuk dikawal terutamanya kawasan perumahan atas air yang mana sistem pembuangan sampah yang tidak teratur."

Menurut informan, tahap kebersihan di bandar raya Kota Kinabalu masih berada di bawah kawalan DBKK. bagi memastikan warga bandar hidup dalam keadaan yang selesa walaupun masih terdapat isu kebersihan alam sekitar yang kritikal di

kawasan yang tertentu seperti perumahan atas air. Menjelaskan hal ini informan menyatakan:

"Tapi dari segi umumnya, alam sekitar di bandaraya Kota Kinabalu adalah masih lagi dalam keadaan terjaga. sebab kita tidak terancam dengan industri-industri kilang berbanding bandaraya di kawasan lain yang mana industri dia agak pesat tapi di Kota Kinabalu perkilangan tidak terlalu pesat. jadi ancaman alam sekitar tidak kritikal secara umumnya"

Dimensi Politik

Terdapat dua tema khusus yang diperoleh daripada dimensi politik, iaitu tadbir urus dan keselamatan. Dapatan ini konsisten dengan profail bandar yang dicadangkan oleh James (2015). Berdasarkan tema tadbir urus, didapati keberkesanan peranan PBT DBKK ke atas kualiti hidup warga bandar adalah pada tahap yang baik. Menurut hasil temu bual yang dijalankan, terdapat beberapa kelemahan tadbir urus PBT DBKK yang memberi kesan kurang memuaskan ke atas kualiti hidup warga bandar, iaitu pelantikan kontraktor yang dilakukan secara '*direct award*'. Hal ini dinyatakan oleh informan seperti berikut:

"Bagaimanapun masih terdapat beberapa kelemahan di beberapa peringkat individu itu sendiri terutamanya pelantikan kontraktor berskala besar.. seperti dalam amalan sekarang dan dahulu nampaknya masih dengan cara lama dalam pelantikan tender, iaitu masih lagi direct award. Normally kontraktor yang hadir ini bukan yang pakar dalam bidang yang mereka buat tetapi mendapat sokongan daripada pemimpin atasaran"

Menurut Encik A, pelantikan kontraktor yang dilakukan secara sokongan pihak atasan memberi kesan negatif ke atas keadilan dan kesaksamaan hak warga bandar lain yang mana lebih sesuai untuk dilantik menjadi kontraktor. Dari aspek keselamatan juga pada tahap yang kurang memuaskan. Khususnya apabila melibatkan keselamatan berskala besar iaitu penjualan rokok tanpa permit. Kawalan ke atas penjualan rokok tanpa permit bukan sahaja melibatkan tanggungjawab pihak DBKK, tetapi juga pihak Jabatan Kastam.

"Ini untuk yang besar punya scale kita perhatikan bahawa aktiviti menjaja haram terutamanya rokok masih lagi berleluasa. walaupun rokok itu diperolehi secara haram, bukan melalui kastam dan tidak dipermitten aktiviti ini masih lagi berlaku dengan berleluasa"

Begitu juga keselamatan orang awam apabila melibatkan kehadiran Pendatang Tanpa Izin (PTI) yang semakin berleluasa dan tidak terkawal di kawasan bandaraya Kota Kinabalu. Menurut Encik A, pihak polis tidak menjalankan satu inisiatif secara lebih serius untuk membendung permasalahan ini sehingga kehadiran golongan PTI memberi ketidakselesaan kepada warga bandar tempatan. Perkara ini diperincikan oleh informan:

"Begin juga dengan ancaman keselamatan masyarakat kampung. Terutamanya isu yang paling panas dibincangkan adalah berkaitan dengan kewujudan PTI yang begin ramai di bandaraya. setakat ini tidak ada lagi langkah-langkah yang betul drastik dan serius dilaksanakan oleh pihak seperti polis dan agensi lain yang berkaitan"

Dimensi Budaya

Terdapat tiga tema yang dikenal pasti pada dimensi budaya iaitu, kesihatan, sosial dan budaya serta pelancongan. Dari aspek kesihatan didapati keberkesanan peranan DBKK adalah pada tahap yang memuaskan. Antara peranan yang dijalankan adalah pelaksanaan kerja secara berjadual dalam pengawalan penyakit berjangkit. Peranan utama dalam penjagaan kesihatan adalah dimainkan oleh Jabatan Kesihatan dan DBKK bertindak sebagai membantu Jabatan Kesihatan memudahkan langkah kawalan. Menurut informan:

"di peringkat DBKK berdasarkan kepada pelaksanaan tugas mengikut bailo (bill) yang sedia ada seperti penjagaan vektor dan sebagainya dilakukan dengan amat baik. anggota yang pakar dalam bidang tersebut dan pelaksanaan kerja secara berjadual dalam pengawalan penyakit berjangkit. di pihak agensi kesihatan dalam membantu kita, pihak jabatan kesihatan aktif membantu kita terutamanya dalam peningkatan tahap kesihatan dan tahap kesedaran warga, terutamanya penyakit berjangkit dan berbahaya seperti denggi, kolera dan sebagainya"

Seterusnya, dari aspek sosial dan budaya didapati pada tahap yang terbaik. Menurut Encik A, masyarakat bandaraya Kota Kinabalu masih mempunyai kebebasan untuk mengamalkan budaya masing-masing di samping budaya yang saling menghormati dengan budaya yang lain. Bahkan, satu aset budaya penting yang dibanggakan oleh warga bandaraya Kota Kinabalu iaitu budaya mesra itu sendiri.

"dari segi budaya juga masih lagi amat baik. pelbagai bangsa dan kepelbagaiannya tradisi dan agama membentuk polar budaya itu sendiri. saya boleh simpulkan masyarakat bandaraya masih lagi mengamalkan budaya kemasyarakatan tinggi, hormat menghormati dan yang paling penting aset negeri kita sendiri iaitu budaya mesra itu sendiri"

Tema terakhir adalah pelancongan, yang mana DBKK berperanan penting dalam menggalakkan pelancongan di bandaraya Kota Kinabalu. DBKK melaksanakan pelbagai perkhidmatan bagi menggalakkan pelancongan bagi tujuan penjanaan ekonomi untuk warga bandar umumnya dan ekonomi negeri Sabah khususnya.

"sudah tentu keperluan untuk tingkatkan lagi kemudahan pelancongan amat dituntut. kita boleh tengok aktiviti yang ada kaitan dengan pelancongan seperti kewujudan perniagaan berkaitan dengan pelancongan seperti durian, souvenir. pihak DBKK antara kita buat dengan membantu industri ini dengan mempermudahkan permohonan lesen perniagaan, menyediakan lokasi-lokasi yang sesuai. kita tengok hotel semakin meningkat selaras dengan peningkatan jumlah pelancong"

Kesimpulan

Pihak Berkuasa Tempatan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu mempunyai peranan yang besar dalam membangunkan bandaraya Kota Kinabalu, sekali gus meningkatkan kualiti hidup warga bandar. Oleh itu, pelbagai alternatif dan usaha yang dilaksanakan bertujuan untuk membentuk bandara Kota Kinabalu sebagai bandar yang terbaik untuk didiami dan warga bandar merasa selesa tinggal di dalamnya. Berdasarkan temu bual yang dijalankan mendapat terdapat empat dimensi peranan DBKK ke atas kualiti hidup warga bandar iaitu ekonomi, ekologi, politik dan budaya. Umumnya, keberkesanan peranan DBKK dalam menyediakan peluang ekonomi ke atas warga bandar adalah pada tahap yang memuaskan. Walau bagaimanapun, dimensi ekologi dan politik adalah pada tahap yang kurang memuaskan. Berbeza pula dengan dimensi budaya yang mana pada tahap yang memuaskan. Implikasi daripada kajian ini adalah pihak PBT DBKK dapat memberi fokus ke atas dimensi-dimensi yang lemah dan perlu diperbaiki seperti ekologi dan politik agar kedua dimensi tersebut dapat dipertingkatkan, sekali gus membantu meningkatkan kualiti hidup warga bandar dalam aspek tersebut.

Rujukan

- Banai, R., & Rapino, M. (2009). Urban theory since a theory of good city form (1981) – A progress review. *Journal of Urbanism: International Research on Place making and Urban Sustainability*, 2(3), 259-276.
- Corbin, J., & Strauss, A. (2008). *Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing grounded theory* (3rd ed.). California: Thousand Oaks.
- Glaeser, E. L., Resseger, M., & Tobio, K. (2009). Inequality in cities. *Journal of Regional Science*, 49(4), 617-646.
- Insch, A., Florek, M. (2008). A great place to live, work and play: Conceptualising place satisfaction in the case of a city's residents. *Journal of Place Management and Development*, 1(2), 138-149.
- Jabatan Penyelidikan Inovasi DBKK (2017). Faktor-faktor yang mempengaruhi keselesaan hidup penduduk bandaraya Kota Kinabalu 2016. Kota Kinabalu: Jabatan Cetak Kerajaan.

- James, P. (2015). *Urban Sustainability in Theory and Practice: Circles of Sustainability*. London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Lundqvist, M. (2007). *Sustainable Cities in Theory and Practice: A Comparative Study of Curitiba and Portland*. Karlstad: Karlstads University.
- McLeod, J. (2013) Qualitative research: methods and contributions. In M.J. Lambert (ed.) *Bergin and Garfield's Handbook of Psychotherapy and Behavior Change* (5th ed) (pp. 49-84), New York: Wiley.
- Mohammad Reza, R., Hossain, M., & Mohammad Hossain, S. (2013). Evaluating quality of life in urban areas: Case study Noorabad City, Iran. *Social Indicators Research*, 112(1), 203-220.
- Ooi, G. L. (2005). *Sustainability and Cities: Concept and Assessment*. Singapore: Institute of Policy Studies.
- Roseland, M. (1997). Dimension of eco-city. *Cities*, 197-202.
- Samsudin, Z. (1999). *The Trend of Inorganic Constituents in Treated Water From Kuching Water Board*. Master Dissertation (Tidak Diterbitkan). Unimas: Fakulti Sains Sumber dan Teknologi.
- Solomon, E., Bouchouchi, N., Denisov, V., Hankiss, E., Mallmann, C., & Milbrath, L. (1980). UNESCO's policy-relevant quality of life research program. In A. Szalai and F. M. Andrews (Eds.). *The Quality of Life: Comparative Studies* (pp. 223-233). London: Sage Publications.